

29 SEP 1998

Parlimen - Mahathir

MAHATHIR BENTANG RANG UNDANG-UNDANG PERINDUSTRIAN SEKURITI

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membentangkan Rang Undang-Undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) 1998 bagi memastikan ketelusan dalam urusan niaga sekuriti dalam usaha mengembalikan semula keyakinan para pelabur terhadap pasaran saham negara.

Cadangan pindaan pada akta itu perlu bagi menyokong tindakan-tindakan secara pentadbiran yang telah diambil oleh Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Securities Clearing Automated Network Services (SCANS) dan Depositori Pusat Malaysia (MCD), kata Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan Pertama pada Persidangan Dewan Rakyat Khas selama dua hari, yang bermula hari ini.

Menjelaskan rasional di sebalik pembentangan pindaan rang undang-undang itu, beliau berkata ia selaras dengan objektif Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dan keperluan untuk mengembalikan keyakinan terhadap pasaran dan dengan itu, tindakan secara pentadbiran dan undang-undang perlu diambil dengan segera.

"Untuk ini, pindaan telah dibuat kepada kaedah-kaedah BSKL, MCD dan SCANS yang mula berkuatkuasa pada 1 Sept lepas," katanya.

Katanya, antara lain, tujuan pindaan itu adalah untuk mempertingkatkan tahap ketelusan dan dagangan saham yang disenaraikan di BSKL, dagangan hanya dibuat di BSKL atau bursa saham yang diiktiraf oleh undang-undang sekaligus mengharamkan dagangan luar pasaran seperti Central Limit Order Book (CLOB).

Ia juga bagi mencegah penyalahgunaan nominee dengan menghendaki semua pegangan saham dibuat atas nama pemunya benefisial atau nominee yang diberi kuasa.

Dr Mahathir berkata ia juga untuk meningkatkan keupayaan penguatkuasaan badan-badan pengawalselia bagi memastikan tindakan serta-merta dan efektif diambil ke atas mereka yang melanggar kaedah atau undang-undang sekuriti.

Pindaan kepada rang undang-undang itu meliputi 28 fasal termasuk takrif-takrif baru, larangan pengeluaran sekuriti, deposit mandatori bagi sekuriti-sekuriti yang ditetapkan dan larangan ke atas transaksi-transaksi luar pasaran.

Katanya, hukuman boleh dikenakan ke atas mereka yang melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang dagangan sekuriti di Malaysia atau dagangan yang melibatkan saham-saham syarikat Malaysia berikutan pindaan itu.

Menurutnya, krisis ekonomi telah menunjukkan pelbagai kelemahan dan kekurangan dalam industri sekuriti yang memerlukan langkah-langkah untuk mengatasinya bagi memulihkan kembali keyakinan terhadap pasaran modal di Malaysia.

Dr Mahathir berkata, antara kelemahan yang dikenalpasti ialah dagangan saham dijalankan dengan begitu mudah tanpa dizahirkan identiti pemunya benefisial menyebabkan naik turun harga saham tanpa sebab dan kegiatan memanipulasi harga-harga saham secara artifisial.

Oleh sebab identiti pembeli dan penjual disembunyikan oleh nominee, maka perniagaan saham menjadi kabur dan tidak telus sedangkan pemilik-pemilik lain saham itu dan syarikat terbabit mengalami tekanan dan kerugian yang ketara manakala pasaran yang tidak diiktiraf dapat ditubuhkan di luar negara dan meraih keuntungan besar dari manipulasi harga saham, katanya.

Selain itu juga, katanya, dalam Akta Syarikat 1965 dan Akta

Perindustrian Sekuriti 1983, nilai ambang penzahiran dan masa bagi membuat laporan yang sukar dikuatkuasakan, menyukarkan pihak berkuasa untuk menyasat dan mengambil langkah-langkah wajar bagi transaksi-transaksi yang boleh menjejaskan integriti pasaran saham.

"Satu lagi kelemahannya ialah semua badan pengawalselia, seperti BSKL, SCANS dan MCD, sukar menguatkuasa dan mengambil tindakan serta-merta ke atas mereka yang melanggar kaedah-kaedah dan undang-undang mengenai industri sekuriti," katanya.

Menurut Dr Mahathir, pada mulanya, kerajaan percaya bahawa pelaburan oleh syarikat asing menerusi pemilikan dibenarkan sebanyak 30 peratus adalah kerana kepercayaan mereka terhadap syarikat tempatan dan ekonomi negara.

"Tetapi sebenarnya mereka hanya ingin meraih keuntungan daripada jual-beli saham. Apabila wang kita diserang oleh pedagang-pedagang matawang asing, para pelabur asing ini memburukkan lagi keadaan ekonomi negara kita dengan menjual bertalu-talu saham milik mereka. Dengan itu, harga saham jatuh dengan teruknya. Syarikat-syarikat kita mengalami kerugian yang besar dan tidak dapat membayar hutang dan mungkin muflis," jelasnya.

Bagaimanapun, kata beliau, pemodal asing itu kemudiannya terus menekan turun ringgit dan nilai saham Malaysia apabila kerajaan menghalang mereka daripada mengambilalih syarikat Malaysia.

"Harapan mereka ialah akhirnya kita terpaksa meminta pertolongan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan dikenakan syarat supaya membuka luas pasaran saham kepada pelabur asing. Dengan itu, mereka akan dapat menguasai semua syarikat dan bank kita dan secara langsung menguasai ekonomi kita," katanya.

Perdana Menteri berkata manipulasi harga saham oleh pihak asing juga dikesan dilakukan menerusi CLOB, sebuah pasaran "over the counter" yang boleh menjalankan aktiviti jual-beli saham Malaysia tanpa mendaftar dengan BSKL.

-- BERNAMA
SHO oba